

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 13 SEPTEMBER 2014 (SABTU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Aktiviti komersial R&D tetap diberi tumpuan	Utusan Malaysia
2	Pusat DNA Forensik di Sabah	Utusan Malaysia
3	Keputusan ujian DNA dalam tempoh sebulan	Utusan Borneo
4	World-Class DNA centre opens	The Borneo Post
5	Pusat Forensik DNA kurangkan tempoh analisis sampel	Harian Express
6	Pusat DNA forensic dilancar	Utusan Borneo
7	DNA Forensic Centre in KK to cut sample analysis time	Daily Express
8	Sabah's first full-fledged forensics lab	New Sabah
9	Pusat DNA – Jabatan Kimia Malaysia	Sin Chew Daily
10	Pusat DNA – Jabatan Kimia Malaysia	See Hua Daily
11	Pusat DNA – Jabatan Kimia Malaysia	Asia Times
12	Pusat DNA – Jabatan Kimia Malaysia	Overseas Chinese Daily News
13	Pusat DNA – Jabatan Kimia Malaysia	Asia Times
14	Ewon: MOSTI papalaab do abaabayan ponginwaguan om koponokialit id Sabah	Utusan Borneo
15	Longkod DNA Forensik kolimo pinoimagon id Sabah	New Sabah Times (Kadazan Dusun)
16	Pembukaan Pusat DNA Forensik di Sabah tingkat sistem penyampaian analisis makmal	Bernama.com
17	MOSTI perluas program inovasi, kreativiti di Sabah	New Sabah Times
18	MOSTI papahaab abaabazan Inovasi om kreativiti id Sabah: Dr Ewon	Daily Express (Kadazan Dusun)
19	MOSTI perluas program inovasi, kreativiti di Sabah	Harian Express
20	Cuaca baik sebelah pagi esok di tumpat	Bernama.com
21	MEASAT-3b focus peningkatan keupayaan telekomunikasi	Utusan Malaysia
22	Measat-3b takes off after delays	The Star

23	Perancis puji kejayaan Malaysia lancer satelit	Bernamea.com
24	Satelit Measat-3b Berjaya dilancar	Bernamea.com
25	Satelit: Pelajar tak tidur malam	Bernamea.com
26	MEASAT-3b bukan penyelesaian kepada masalah seperti MH370 - Jailani	Bernamea.com
27	Tindakan tegas demi integriti	Utusan Malaysia
28	Dua kena gantung tugas	Berita Harian
29	MOSTI allocates RM100m for research on military, weaponry	Daily Express
30	Karnival kreativiti & Sains 4U peringkat Sandakan dapat sambutan hangat	New Sabah Times
31	'Karnival Kreativiti & Sains 4U' kopongunsuban rumohian id kaganaan sains om tiknologi	New Sabah Times

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 35
TARIKH: 13 SEPTEMBER 2014 (SABTU)

Aktiviti komersial R & D tetap diberi tumpuan

KOTA KINABALU 12 Sept. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi akan terus menumpukan kepada usaha meningkatkan kadar komersialisasi produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dihasilkan melalui pembiayaan dana kementerian di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10).

Menterinya, Datuk Dr. Ewon Ebin berkata, selaras dengan itu, pelbagai strategi dirangka bagi menyediakan platform mengkomersialkan teknologi secara lebih komprehensif.

Beliau berkata, strategi itu adalah melalui program pembangunan

produk, memperluaskan peluang pasaran, mengukuhkan kerjasama strategik dengan industri selain meningkatkan rantaian promosi produk-produk berkenaan.

"Kementerian telah menetapkan sekurang-kurangnya 60 produk R&D dikomersialkan dari pelbagai sektor barangan dan perkhidmatan untuk tahun ini dan seterusnya mencapai sasaran 360 produk menjelang 2020.

"Sehingga kini, platform Tahun Pengkomersialan Kementerian (MCY) 2014 telah berjaya mengetengahkan 58 produk yang sedia untuk dikomersialkan," katanya ketika berucap dalam majlis temu mesra bersama media di sini malam tadi.

Ewon memberitahu, kementerian turut berbangga dengan produk-produk yang dihasilkan kerana berupaya memenuhi keperluan pengguna sama ada di peringkat akar umbi sehingga kepada keperluan industri.

Menurut beliau, sebahagian besar daripada produk-produk itu telah menerima permintaan industri dan ada juga berpotensi untuk diperluaskan ke pasaran luar negara.

"Dari mana datangnya produk-produk ini jika tiada pakar-pakar sains yang sentiasa membuat kajian bagi menghasilkan produk-produk bermutu tinggi dan layak dikomersialkan bukan sahaja di dalam tetapi

luar negara.

"Baru-baru ini semasa Anugerah Sains dan Teknologi ASEAN di Bogor, Indonesia, dua saintis kita berjaya menerima anugerah iaitu Prof. Madya Ir. Dr. Sharifah Rafidah Wan Alwi dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Prof. Dr. Harith Ahmad dari Universiti Malaya (UM)," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, untuk tahun tersebut kementerian telah memperuntukkan RM1 juta bagi membiayai program pembudayaan berteraskan inovasi dan kreativiti yang memberi manfaat kepada belia, pelajar termasuk masyarakat di luar bandar.

Analisis dapat dilaksanakan dalam tempoh singkat

Pusat DNA Forensik di Sabah

Oleh HISYAMUDDIN AYUB
pengarang@utusan.com.my

KOTA KINABALU 12 Sept. - Penubuhan Pusat Asid Deoksiribonukleik (DNA) Forensik, Jabatan Kimia kelima negara di negeri ini dilihat tepat bagi memastikan sesuatu analisis dapat dilaksanakan dalam tempoh lebih singkat.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin (**gambar**) berkata, hal demikian kerana pihak penguat kuasa di Sabah sebelum ini terpaksa berbelanja besar dengan menghantar barang kes untuk diana-

alisis di Pusat DNA Forensik Kuching, Sarawak.

Menurutnya, perkara itu menyebabkan siasatan terhadap sesuatu kes yang dikendalikan mengambil masa yang agak lama.

"Pusat DNA Forensik Kota Kinabalu ini sangat diperlukan bagi membantu penguat kuasa menangani kes-kes jenayah di negeri ini dengan lebih cepat, malah dalam masa sama dapat mengurangkan kos.

"Pusat ini juga boleh dimanfaatkan-



kan orang ramai termasuk dalam permohonan surat beranak atau kad pengenalan, pertikaian kekeluargaan dan pelbagai permasalahan lain berkaitan DNA," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Pusat DNA Forensik Kota Kinabalu, Jabatan Kimia yang mula beroperasi sejak Jun lalu, di sini hari ini.

Yang turut hadir, timbalannya, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah;

Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Jalaluddin Abdul Rahman; Ketua Pengarah Jabatan Kimia Malaysia, Ahmad Ridzuan Ibrahim dan Pengarah Jabatan Kimia negeri, Ong Jeok Chin.

Pada majlis itu, beliau turut melancarkan Aplikasi PraPendaftaran Sistem Pengurusan Informasi Makmal (SPIM).

Mengulas lanjut Ewon berkata, penubuhan Pusat DNA Forensik di Sabah juga sangat relevan dengan peningkatan bilangan kes atau sampel DNA forensik dari negeri itu yang dihantar ke Sarawak.

Tambahnya, berdasarkan rekod

daripada Jabatan Kimia, jumlah sampel yang dihantar ke Sarawak sejak 2002 hingga tahun lalu mencatatkan peningkatan dengan kadar purata 15 peratus setahun.

"Pada tahun lalu, Pusat DNA Forensik Kuching telah menerima sejumlah 230 kes dengan jumlah sampel DNA sebanyak 1,612 dari negeri ini.

"Untuk itu, penubuhan Pusat DNA Forensik di negeri ini akan dapat memberikan perkhidmatan yang lebih cepat dan berkualiti kepada masyarakat setempat, selain mengurangkan tempoh masa menunggu keputusan analisis," katanya.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN BORNEO (UTAMA) : MUKA SURAT 1
TARIKH: 13 SEPTEMBER 2014 (SABTU)



EWON (kanan) dan tetamu kehormat menyempurnakan gimik perasmian Makmal DNA Forensik di Kota Kinabalu kelmarin.

Keputusan ujian DNA dalam tempoh sebulan

Oleh YAP SIONG HAN

KOTA KINABALU: Makmal DNA forensik di Jabatan Kimia Cawangan Sabah yang dirasmikan kelmarin, kini mampu mengeluarkan keputusan hasil ujian dalam masa sebulan.

Ketua Pengarah Jabatan Kimia Malaysia Ahmad Ridzuan berkata dengan adanya makmal berkenaan, pihaknya memberi jaminan bahawa keputusan ujian dapat dikeluarkan dalam

tempoh dijanjikan.

“Kegunaan makmal ini tidak terhad kepada pasukan polis untuk penyiasatan jenayah, tetapi juga kepada orang awam.

“Orang awam dengan hanya pembayaran RM1,500 boleh membuat ujian DNA bagi memastikan anak mereka yang tidak mempunyai surat beranak dan menggunakan laporan ujian itu sebagai sokongan membuat kad pengenalan,” katanya kepada pemberita selepas pelancaran Pusat DNA Forensik Jabatan Kimia Malaysia Cawangan

Sabah dan pelancaran aplikasi pendaftaran Sistem Pengurusan Informasi Makmal (SPIM) di sini kelmarin.

Perasmian disempurnakan oleh Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin.

Beliau berkata mereka yang tidak pasti bahawa anak mereka adalah anak kandung juga dialu-alukan datang membuat ujian.

Bagaimanapun, katanya, perkhidmatan itu percuma kepada kakitangan kerajaan dan orang awam yang disahkan

tidak berkemampuan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

“Kita mempunyai 61 kakitangan dan 15 saintis pada masa ini... bebanan kerja kini membolehkan seorang saintis menguji 300 kes dan 15 saintis menguji 4500 kes sampel dalam setahun.

“Kini kita mempunyai pangkalan data DNA kita sendiri dan pusat ini mula beroperasi pada Jun lalu.

“Kita telah menerima 150 sampel dengan 70 kes kesemuanya sehingga hari ini,” katanya.

World-class DNA centre opens

By Murib Morpi

KOTA KINABALU: The Department of Chemistry Sabah branch now has its own world-class forensic DNA centre.

The facility was officially opened yesterday, making Sabah the fifth state in the country to have such a centre, after Johor, Penang, Sarawak and Selangor.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Ewon Ebin said the facility was highly needed to handle the growing number of cases in Sabah where DNA analysis was required.

He said the centre would help reduce the time and cost for related authorities, such as the police, in getting DNA analysis for evidence they used in prosecuting a suspect.

This in return may help speed up prosecution of criminal cases involving DNA evidences, he added.

"The centre will allow government departments as well as the public to get DNA analysis without having to send the sample to Kuching or Kuala Lumpur, like previously. This will reduce both the cost and time," he said at the

opening.

Based on the department's record, the number of cases and samples referred to Kuching for DNA analysis had increased by 15 per cent on average from 2002 until last year.

In 2013, the centre in Kuching received 203 cases from Sabah, involving 1,612 DNA samples.

Speaking to reporters later, Ewon said the facility, which started operation in June, is fitted with world-class equipment and experts recognized by international bodies.

He noted that staff and experts from the centre were among those involved in identification process of the victims of MH17 in Amsterdam, Netherlands.

"The centre also provides training courses for other countries, such as Singapore, Vietnam and a few others," he said.

Apart from helping in solving criminal cases, he said the centre would also provide services to the public, including in determining kinship through DNA analysis.

While analysis for government agencies would be given for free, individuals will be charged



Minister of Science, Technology and Innovation Datuk Ewon Ebin (second right), flanked by Department of Chemistry Malaysia director-general Ahmad Ridzuan Ibrahim (right) and other invited guests at the opening of the Department of Chemistry Sabah branch Forensic DNA centre yesterday.

RM1,500 per analysis.

The lab has 15 DNA experts and 61 supporting personnel and can comfortably handle 4,500 cases annually.

Also serving as a DNA

database centre for the state, the lab has so far received 70 cases since starting operation about two months ago.

At the event, Ewon also launched the Malaysia

Department of Chemistry SP1M pre-registration application, which allows customers to register their cases online without having to go to the department's counter.

